

KELUARAN DALAM NEGARA KASAR DALAM SASARAN WAWASAN 2020

Suhaida binti Mohd Amin
Mohd Faizal bin P. Rameli
Universiti Teknologi MARA, Melaka, Malaysia
suhaida294@bdrmelaka.uitm.edu.my

ABSTRAK

Wawasan 2020 telah diilhamkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang ke-empat melalui pembentangan kertas kerjanya yang bertajuk "The Way Forward" semasa pelancaran Majlis Perdagangan Malaysia pada 28 Febuari 1991. Pada dasarnya, Wawasan 2020 bertujuan untuk meningkatkan Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian dan negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Matlamat yang dicita-citakan melalui Wawasan 2020 ini ialah pembentukan sebuah negara Malaysia yang benar-benar maju menjelang tahun 2020. Kemajuan yang dimaksudkan merangkumi segala aspek kehidupan: ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan. Dari aspek ekonomi, sasaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada tahun 2020 ialah kira-kira USD920 bilion. Berdasarkan KDNK Malaysia pada 1991 iaitu sebanyak USD115 bilion, pertumbuhan KDNK perlu mencapai sekurang-kurangnya pada kadar purata kira-kira tujuh peratus setahun (berdasarkan nilai sebenar pada 1990). Pada hari ini, Wawasan 2020 telah berusia 19 tahun. Sepanjang tempoh tersebut, kita telah melalui beberapa tempoh getir. Krisis Matawang dan Pasaran modal 1997 menyebabkan kadar pertumbuhan KDNK Malaysia mencecah paras negatif iaitu negatif 7.4 peratus pada tahun 1998. Kemelesetan Ekonomi Asia 2001 menyebabkan pertumbuhan KDNK Malaysia cuma 0.5 peratus pada tahun tersebut. Kegawatan Ekonomi Global 2008 yang melanda dunia baru-baru ini turut memberi impak kepada Ekonomi Malaysia. Pada suku ketiga tahun 2009, kadar pertumbuhan KDNK benar Malaysia ialah negatif 1.2 peratus berbanding 4.8 peratus pada tempoh yang sama bagi tahun 2008. Sehubungan dengan situasi-situasi di atas, kajian ini akan meninjau kelancaran proses pencapaian Wawasan 2020 yang cuma tinggal 10 tahun sahaja lagi.

Kata Kunci: Kebolehcapaian, KDNK, Malaysia, Wawasan 2020

PENGENALAN

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau *Gross Domestic Product (GDP)* merupakan nilai semua barang dan perkhidmatan akhir pada harga pasaran yang dikeluarkan oleh rakyat dalam sesebuah negara tanpa mengambil kira keluaran atau pendapatan bersih luar negeri (Kamus Ekonomi, DBP, 1993).

ōGross Domestic Product (GDP) is a measure of a value of all of the goods and services produced in a country in a year. GDP can be calculated as either the value of the output produced in a country or equivalent as the total income, in the form of wages, rent, interest and profits, earned in a country ö(David N. Weil, 2005). öGDP is one of the most comprehensive and closely watched economic statistics: it is used to formulate monetary policy, as an indicator of

community to prepare forecasts of economic performance
tion, investment and employment planning (Carlos M.
Gutierrez, et al, 2007).

“The gross domestic product (GDP) is an internationally accepted measure of economic activity. It provides an indication of the size and structure of an economy and measures the changes taking place within it. In Malaysia, GDP compilation is the responsibility of the Department of Statistics, Malaysia (DOSM). Major users of GDP comprise of government agencies (e.g. Economics Planning Unit, Ministry of Finance, and Bank Negara Malaysia, private sector, universities, and international agencies (e.g. World Bank, United Nations, International Monetary Fund). Recent developments, as exemplified by the previous financial crisis, have highlighted the need for timely statistics to monitor changes” (Aziz Mohammad, 2006).

Berdasarkan David N. Weil (2005), Carlos M. Gutierrez (2007) dan Aziz Mohammad (2006), dapat kita rumuskan disini bahawa maklumat mengenai KDNK sesebuah negara bukan sahaja digunakan sebagai pengukur kepada kekayaan yang dihasilkan dalam sesebuah negara, malah ia juga menjadi asas perbandingan dan turut digunakan untuk perbagai tujuan.

Wawasan 2020

Wawasan 2020 merupakan gagasan idea Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang ke-empat yang membayangkan hanya terdapat satu sahaja takrifan bagi Malaysia iaitu sebagai sebuah Negara yang maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Bagi memastikan wawasan ini direalisasikan, kerajaan menggubal (Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua) RRJP2, 1991-2000. RRJP2 pada asasnya merupakan satu rancangan jangka panjang yang mengandungi dasar baru yang dipanggil Dasar Pembangunan Nasional bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru, DEB yang berakhir pada 1990.

DEB ialah dasar yang bertanggungjawab mencorakkan ekonomi Malaysia hingga 1990. Objektif utama Dasar Pembangunan Nasional pula ialah mencapai pembangunan yang seimbang untuk membentuk masyarakat yang lebih bersatu padu dan adil seperti yang digambarkan dalam Wawasan 2020. Pada masa yang sama, ia mengekalkan dua objektif DEB iaitu membasmi kemiskinan dan menghapuskan ketidakseimbangan ekonomi di kalangan penduduk berbilang kaum di Malaysia (Samuel Basseyy Okposin, et al, 2003).

Wawasan 2020 menekankan strategi *accelerated industrialization drive* bagi mewujudkan sebuah masyarakat perindustrian yang makmur dengan ekonomi yang bersifat dinamis, teguh dan berdaya tahan. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka dan terus bergantung kepada pasaran luar negeri, Malaysia perlu meningkatkan daya saingan terutama dalam pasaran antarabangsa menerusi peningkatan produktiviti, memperbaiki mutu keluaran dan mempergiatkan promosi pasaran secara agresif (Kamarudin Jaffar dan Hazami Habib, 1993).

2020 telah menetapkan sasaran nilai Keluaran Dalam
2020 sebagaimana petikan dari pembentangan kertas kerja
BERTAJUK MALAYSIA. THE WAY FORWARD,

Untuk mewujudkan masyarakat makmur, kita boleh menetapkan beberapa banyak matlamat yang berasaskan aspirasi. Saya yakin bahawa kita harus menetapkan matlamat yang munasabah (sebagai lawan kepada matlamat beraspirasi) untuk menggandakan KDNK sebenar kita setiap 10 tahun antara 1990 dan 2020. Jika kita lakukan ini, KDNK kita akan menjadi lapan kali lebih besar menjelang tahun 2020 berbanding 1990. KDNK kita pada 1990 ialah \$115 bilion. KDNK kita pada 2020 patut menjadi kira-kira \$920 bilion dalam nilai sebenar (ringgit pada 1990). Pertumbuhan pesat ini memerlukan pertumbuhan pada kadar purata kira-kira tujuh peratus (dalam nilai sebenar) setahun untuk 30 tahun akan datang (Mahathir Mohamad, 1991).

Hubungan penting antara Wawasan 2020 dengan RRJP2 atau Rancangan Malaysia Keenam pada peringkat makro adalah untuk mencapai pertumbuhan yang boleh dijamin pada kadar 7% setahun dalam sebutan sebenar. Kadar pertumbuhan dalam KDNK tersebut akan menggandakan penghasilan dan perkhidmatan dalam sebutan sebenar (harga malar tahun 1978) kepada kira-kira RM155 bilion menjelang tahun 2020 dari kira-kira RM79 bilion pada tahun 1990. Wawasan 2020 membayangkan bahawa dengan menggandakan KDNK setiap sepuluh tahun, (dengan pertumbuhan 7% setahun), pada tahun 2020, KDNK Negara akan menjadi lapan kali lebih besar (Ahmad Sarji, 2003).

ANALISIS KEBOLEHCAPAIAN


Analisa kebolehcapaian sasaran KDNK di dalam Wawasan 2020 akan dikaji berdasarkan perkara-perkara berikut :

- i) Pencapaian semasa KDNK Malaysia
- ii) Kadar Pertumbuhan Purata KDNK Malaysia
- iii) Kitaran Ekonomi Global dalam tempoh pelaksanaan Wawasan 2020
- iv) Anggaran Pertumbuhan KDNK

Pencapaian semasa KDNK Malaysia

Carta 1 memperlihatkan perkembangan positif bagi peningkatan KDNK Malaysia. Pada tahun 1991, KDNK Malaysia ialah RM135,123 juta (harga semasa) dan RM116,093 juta (harga malar) manakala KDNK Malaysia pada tahun 2000 ialah RM356,401 juta (harga semasa) dan RM135,123 juta (harga malar). Pada tahun 2009 pula, nilai tersebut meningkat kepada RM705,373 juta dan RM528,860 juta.

Carta 1: KDNK dan Kadar Pertumbuhan KDNK Malaysia (pada harga malar dan harga semasa), 1991-2009



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi Malaysia

Dibandingkan dengan sasaran untuk mencapai RM920 bilion KDNK harga benar menjelang tahun 2020, sebanyak RM391 bilion perlu diperolehi dalam tempoh 10 tahun. Ini bermakna setiap tahun Malaysia perlu menambah nilai KDNK purata sebanyak RM39.1 bilion atau dengan kadar pertumbuhan sekurang-kurangnya 6 peratus setahun.


Kadar Pertumbuhan KDNK Malaysia

Seperti yang turut ditunjukkan dalam Carta 1, terdapat turun naik kadar pertumbuhan KDNK dari tahun 1991 ke tahun 2009. Kadar purata pertumbuhan KDNK antara tahun 1991 hingga 1995 ialah sebanyak 9.4%. Kadar pertumbuhan Malaysia adalah paling tinggi pada tahun 1996 (10.0%) kerana perkembangan yang menggalakan dari sektor pembuatan. Namun, Krisis Kewangan Asia pada 1997/1998 menyebabkan kadar pertumbuhan KDNK Malaysia mencecah paras negatif iaitu negatif 7.4 peratus pada tahun 1998.

Seterusnya, kejatuhan permintaan elektronik dunia dan insiden 11 September 2001 menyebabkan pertumbuhan KDNK Malaysia cuma 0.3% pada tahun tersebut. Kegawatan

sebabkan pertumbuhan KDNK Malaysia pada harga malar pada 4.6% (2008) dan 0.1% (2009).

Carta 2 : KDNK Benar dan KDNK Potensi, 1991-2009



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Jika dilihat berdasarkan hasrat Wawasan 2020 iaitu peningkatan pertumbuhan KDNK sebanyak 7% setahun, Carta 2 menunjukkan bahawa sepatutnya Malaysia telah mencapai KDNK harga malar kira-kira RM655.3 bilion pada tahun 2009. Berdasarkan catatan Jabatan Perangkaan Malaysia pada Januari 2010, KDNK harga malar Malaysia ialah RM528.9 bilion, iaitu kurang sebanyak 24% dari sasaran.

Kitaran Ekonomi Global dalam tempoh pelaksanaan Wawasan 2020

Menurut O'Sullivan, Arthur, Steven M. Sheffrin (Economics; Principles in Action, 2003),

“business cycle (or economic cycle) is a situation of economy-wide fluctuations in production or economic activity over several months or years. These fluctuations occur around a long-term growth trend, and typically involve shifts over time between periods of relatively rapid economic growth (expansion or boom), and periods of relative stagnation or decline (contraction or recession). Menurut Ansel M.Sharp, Charles A. Regester dan Paul W.Grimes (Economics of Social Issues, 2010) pula, “business cycles are characterized as erratic because no two business cycles are exactly alike. Business cycles vary in duration and the magnitude of their swings around the economy’s long-run growth trend. Since 1960, the U.S. economy has experienced six

occurred in 1970, 1974-1975, 1980, 1982, 1991 and 2001.
2007ö.

Dapat kita fahami di sini bahawa kitaran perniagaan / kitaran ekonomi ialah suatu keadaan turun naik yang tidak boleh dielakkan.

Sebagaimana negara-negara lain, ekonomi Malaysia turut dipengaruhi oleh kedudukan ekonomi dunia. Dasar keterbukaan ekonomi yang tinggi telah mencirikan Malaysia sejak tahun-tahun awal pembangunannya sehingga sekarang. Dalam tempoh tahun 1991 hingga kini, Malaysia telah mengalami tempoh ekonomi melambung (*boom*) dan ekonomi meleset (*recession*). Pencapaian sasaran KDNK dalam Wawasan 2020 dilihat akan terjejas apabila kita menghadapi keadaan di luar kawalan ini. Terdapat tiga krisis ekonomi penting telah melanda Malaysia dalam tempoh pelaksanaan Wawasan 2020 iaitu:

1. Krisis Kewangan Asia 1997 yang bermula pada di Thailand menyebabkan kadar pertumbuhan KDNK Malaysia mencecah paras negatif iaitu negatif 7.4 peratus pada tahun 1998. Malaysia turut menghadapi keadaan defisit akaun semasa melebihi 6 % nilai KDNK. Krisis yang disebabkan serangan oleh spekulator matawang itu telah mempengaruhi nilai mata wang, bursa saham dan harga aset di negara-negara Asia termasuk Malaysia. Susulan kesan tersebut, pengeluaran di pelbagai sektor telah menurun, sektor pembinaan menyusut 23.5%, pembuatan menyusut 9% dan pertanian (5.9%). Keseluruhan KDNK negara menurun sebanyak 6.2 % pada tahun 1998 (Perbendaharaan, Laporan Ekonomi Malaysia 1998/1999).

2. Kemelesetan Ekonomi Asia 2001 pula adalah diakibatkan oleh kelembapan ekonomi dunia khususnya di Amerika Syarikat (AS) serta kelembapan ekonomi Jepun yang berlanjutan. Selain itu terdapat kesan peristiwa 11 September 2001, wabak Sindrom Pernafasan Akut yang teruk (SARS) dan peperangan di Iraq yang memburukan prestasi ekonomi Malaysia. Aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) global menunjukkan penurunan sebanyak 29% iaitu USD823.8 bilion pada tahun 2001 selepas mencatat USD160.7 bilion pada tahun 2000. Nilai ini terus merosot kepada USD651.2 bilion pada tahun 2002. Kesannya, pertumbuhan KDNK Malaysia cuma 0.5 peratus pada tahun 2001 (Perbendaharaan, Laporan Ekonomi Malaysia 2001/2002).

3. Kegawatan Ekonomi Global 2008 yang melanda dunia baru-baru ini turut memberi impak kepada Ekonomi Malaysia. Krisis ini tercetus apabila satu daripada bank pelaburan global terbesar di Amerika Syarikat jatuh bankrup pada September 2008. Ini membawa kepada penguncupan ekonomi global secara mendadak pada akhir tahun 2008 dan menjadi bertambah buruk pada suku pertama tahun 2009 apabila pertumbuhan ekonomi merosot 6.2% dalam tempoh suku pertama 2009 berbanding 7.4% pada tempoh yang sama bagi tahun 2008. Keadaan persekitaran ekonomi dilihat semakin pulih apabila ekonomi Malaysia dijangka untuk terus berkembang, disokong permintaan dalam negeri yang bertambah kukuh dan persekitaran luar semakin baik dengan KDNK diunjurkan berkembang 4.5 hingga 5.5 peratus tahun 2009 (Bank Negara Malaysia, Laporan Tahunan 2009).

...an Pakar Ekonomi Malaysia, Dr. Hamzaid Yahya pada 17 Mac 2010, beliau menegaskan bahawa:

“corak data ekonomi Malaysia menunjukkan bahawa Malaysia mengambil masa lebih kurang 2-3 tahun untuk pulih dan selepas 9-10 tahun ia akan kembali meleset. Dijangka, Malaysia akan menghadapi masa kemelesetan selepas tahun 2020”.

Anggaran Pertumbuhan KDNK

Dalam pergerakan menuju Wawasan 2020 yang mensasarkan KDNK benar sebanyak RM920 bilion, beberapa anggaran KDNK akan datang oleh beberapa agensi terkemuka dan bertauliah boleh dijadikan rujukan untuk menilai kebolehcapaian mencapai sasaran. Antaranya ialah :

1. Menurut **International Monetary Fund (IMF)** di dalam World Economic Outlook (WEO), Oktober 2009, unjuran KDNK benar Malaysia akan terus meningkat iaitu sebanyak RM521.94 billion (2010), RM543.08 bilion (2011), RM572.95 bilion (2012), RM607.32 bilion (2013) dan RM643.76 bilion (2014). Jangkaan ini berdasarkan kadar pertumbuhan 2.5% (2010), 4.1% (2011), 5.5% (2012) dan masing-masing sebanyak 6.0% (2013 dan 2014).

2. **Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)** melalui kertas kerjanya yang bertajuk *Long-Run GDP Growth Framework And Scenarios For The World Economy*, menyatakan bahawa:

“world GDP would grow by about 4% per year on average over the period 2006-2025 and by 3.5% over 2025-2050. These projections were made in the course of 2008 and as such they do not factor in the sharp deterioration in world economic activity and forecasts of the second half of 2008. Incorporating the latter would imply a downward revision of world GDP growth over the next few years, but changes to projections up to 2050 would be fairly limited insofar as long-run potential growth remains little affected”.

3. Berdasarkan laporan dari **RAM Holdings Berhad** di dalam Malaysia's Economic Outlook 2009 ó 2020:

“Medium-to-long-term GDP growth forecast for Malaysia takes into consideration the weak global demand that is likely to persist for several years. Average annual growth until 2020 has been revised downwards to 4.5%”.

4. Laporan **Malaysia Economic Monitor, World Bank** (November 2009), menyatakan:

“With East Asia leading the recovery and advanced economies showing progressive improvement, the Malaysian economy is projected to grow again at 4.1 percent in 2010, following a contraction of 2.3 percent in 2009. The medium-term outlook argues for solid growth of 5.6 and 5.9 percent in 2011 and 2012, but this remains conditional upon progress on the structural reform agenda. The incomplete process of global deleveraging and rebalancing presents a downside risk to the outlook”.

[Click Here to upgrade to
Unlimited Pages and Expanded Features](#)

n Bank Negara Malaysia 2009, dimaklumkan bahawa anggaran antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2010. Anggaran ini adalah berdasarkan jangkaan pemulihan ekonomi global yang beransur-ansur dan tidak sekata. Ekonomi global masih menghadapi beberapa risiko pertumbuhan yang lebih perlahan termasuk kelemahan dalam sistem kewangan ekonomi maju, pengurangan hutang yang berterusan dalam sektor swasta dan tekanan fiskal dalam sebahagian besar ekonomi utama. Berikutan itu, permintaan dalam negeri akan menjadi faktor penting dalam mendorong pertumbuhan pada tahun 2010.

6. Professor Emeritus Datuk Dr Mohamed Arieff Abdul Kareem, Pengarah Eksekutif **Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)** di dalam rencananya bertajuk *Blurred Vision?* di akhbar The Sun, 21 Disember 2009 menyatakan:

Vision 2020 was designed on the premise that the economy would grow at an average rate of 7.0 per cent per annum from 1991 onwards. But growth has slowed down considerably after the Asian financial crisis of 1997-98 to an average of 5.5 per cent (1999-2008). Malaysia's growth trajectory has deviated from the Vision 2020 growth path. According to estimates, the projected gross domestic product (GDP) of RM525 billion for next year will fall short by 24 per cent from the initially envisaged level of RM694 billion. In other words, the shortfall in aggregate income next year will amount to a hefty RM169 billion. The gap between the actual growth trajectory and the Vision 2020 track will widen, if the economy were to grow at a slower pace of 5.4 per cent per annum between 2011 and 2020.

Beberapa kesimpulan dapat dibuat dari unjuran-unjuran ini iaitu:

- i) Berdasarkan unjuran oleh IMF, kita dapati Malaysia disasarkan dapat meningkatkan KDNK sebanyak 24% dalam tempoh 5 tahun atau purata 4.8% setahun, Ini bermakna, dengan andaian kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah sama dan tiada kemelesetan ekonomi berlaku, KDNK Malaysia pada harga benar akan bernilai RM852.9 bilion pada tahun 2020.
- ii) Berdasarkan unjuran oleh OECD pula, jika kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia seiring dengan kadar pertumbuhan ekonomi dunia iaitu purata 4 peratus setahun, ini bermakna KDNK Malaysia akan bernilai RM814.6 bilion pada tahun 2020, iaitu 13% kurang dari sasaran.
- iii) RAM Holding Berhad pula mengunjurkan kadar pertumbuhan purata ekonomi Malaysia sebanyak 4.5% pula, oleh itu Malaysia hanya akan mencapai KDNK benar sebanyak RM858.3 bilion pada tahun 2020.
- iv) World Bank, Bank Negara Malaysia dan MIER juga menyatakan peratus pertumbuhan ekonomi Malaysia tidak melebihi 6% setahun dari 2010 ke 2020.

... dan jangkaan ekonomi akan datang, kebolehcapaian sasaran KDNK Malaysia sebanyak RM920 bilion menjelang tahun 2020 masih berada ditahap yang membimbangkan. Dengan kata yang lebih mudah, ia tidak mungkin dapat dicapai jika tiada perubahan di lakukan untuk meningkatkan pencapaian ekonomi Malaysia dalam keadaan yang luar biasa. Namun kita sedar bahawa sejak Wawasan 2020 dilancarkan pada tahun 1991, pelbagai usaha telah dirancang, dilaksanakan dan sedang berjalan bagi menjayakan hasrat Malaysia mencapai status negara maju yang mempunyai KDNK RM920 juta pada tahun 2020. Pelbagai langkah diambil yang bertujuan menjayakan impian di samping menunjukkan komitmen kerajaan dalam usaha tersebut.

Selain perancangan dan pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang dan Rancangan Malaysia dalam tempoh 1991 hingga 2020, Pakej Rangsangan Ekonomi juga telah dilancarkan bagi meningkatkan KDNK Malaysia. Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia ketika menyampaikan ucapannya di Persidangan Perkhidmatan Awam ke-14 pada 29 September 2009 di Kuala Lumpur berpendapat "Malaysia mungkin tidak dapat mencapai Wawasan 2020 pada masanya jika tidak mengubah strateginya dan terus bergantung kepada pelaburan langsung asingö.

Sejajar dengan pendapat tersebut, Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015 menekankan hala tuju strategik yang terkandung di dalam Pakej Transformasi Sosioekonomi RMKe-10. Pada 30 Mac 2010 pula, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak telah membentangkan Model Ekonomi Baru yang bertujuan meletakkan Malaysia dalam landasan yang betul dan kukuh agar impian masih dapat untuk direalisasikan.

RUJUKAN

- Ahmad Sarji (editor). (2003). *Wawasan 2020 Malaysia: Memahami Konsep, Implikasi dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd.
- Aziz Mohammad. (2006). *GDP Estimates: Timeliness and acceptability Consideration* dalam *Journal of the Department of Statistics Malaysia*, Volume 1, 2007.
- Bank Negara Malaysia, Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia, 2009.
- Berita Harian, 30 Mac 2010.
- Carlos M. Gutierrez, et al. (2007). *Measuring The Economy; A Primer On GDP And The National Income And Product Account*, Bureau of Economic Analysis, U.S. Department of Commerce.
- David N. Weil (2005). *Economics*. Longman Publication.
- Fadillah Mansor (2009). Dewan Ekonomi, November 2009. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jomo K. Sundaram, Khoo Boo Teik dan Chang Yii Tan. (1995). *Vision Policy and Governance in Malaysia*. World Bank Publication.
- Kamarudin Jaffar dan Hazami Habib (penyunting). 1993. *Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Kamus Ekonomi* (1993). Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- *The Way Forward*. <http://www.pmo.gov.my/> di akses

Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif. *Pembentangan Rangka Rancangan Jangka Panjang kedua (RRJP2), 1991-2000*. <http://www.pmo.gov.my/> di akses pada 9 Jun 2009

Laporan Ekonomi 2001/2001 – 2009/2020 <http://www.treasury.gov.my/>, diperolehi pada 20 Ogos 2009

OECD Factbook 2009. <http://www.oecd.org/> diperolehi pada 6 September 2009.

Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), kertas kerja bertajuk *Long-Run GDP Growth Framework And Scenarios For The World Economy*, diperolehi pada 20 Mac 2010.

RAM Holding Berhad, Malaysia's Economic Outlook 2009-2020, Februari 2009.

Sadono Sukirno dan Mohamed Aslam Gulam Hassan. (1999). *Makroekonomi: Teori, Masalah Dan Dasar Kerajaan*. Petaling Jaya, Selangor: Printice Hall.

Statistik Ekonomi. <http://www.statistics.gov.my/>, diperolehi pada 1 September 2009.

The Sun, 21 Disember 2009.

World Bank, Malaysia Economic Monitor: Repositioning for growth, November 2009.

World Economic Outlook 2009. <http://www.imf.org/> diperolehi pada 6 September 2009.